

QBE Polisi Insurans Kereta Persendirian

16 December 2014

Helaian Pendedahan Produk

Sila baca helaian pendedahan produk ini sebelum anda memutuskan untuk menginsuranskan **QBE Kereta Persendirian** Insurans Polisi. Pastikan juga untuk membaca terma-terma am dan syarat-syarat

1. Apakah Produk Insurans Motor Kereta Persendirian?

Polisi ini menyediakan perlindungan kecederaan tubuh badan dan kematian pihak ketiga, kerosakan harta benda pihak ketiga dan kemalangan atau kerosakan kepada kenderaan anda sendiri akibat kebakaran yang tidak disengajakan, kecurian atau kemalangan dalam tempoh insurans.

2. Apakah jenis-jenis perlindungan / faedah yang diberi?

Polisi ini melindungi :

- Kecederaan tubuh badan dan kematian pihak ketiga
- Kerugian atau kerosakan harta benda pihak ketiga
- Kerosakan kepada kenderaan anda sendiri akibat kebakaran yang tidak disengajakan, kecurian atau kemalangan.

Pilihan faedah tambahan yang anda boleh beli pada kadar pra ditentukan seperti dalam Malaysian Motor Tariff:

- Mogok, Rusuhan dan Kekecohan Awam
- Pemechan Kaca Cermin Depan/ Belakan, Tingkap atau Tingkap Bumbung
- Perlindungan liability Penumpang
- Memasukan Peril Khas- Banjir, , taufan, Hurikan, Ribut, Ribut kencang, Letusan Gunung Berapi, Gempa Bumi, Tanah Runtuh
- Aksesori Kenderaan

NOTA: Adalah menjadi satu kesalahan dibawah undang-undang Republik Singapura bagi memasuki Negara tersebut tanpa perlindungan kepada penumpang kepada penumpang ke atas insurans motor kenderaan anda.

Tempoh perlindungan adalah untuk satu tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans setiap tahun.

3. Berapa jumlah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang perlu anda bayar adalah berbeza bergantung kepada amaun yang diinsuranskan, Kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan, pilihan manfaat tambahan dan keperluan pengundereitan sesebuah syarikat insurans.

Contoh:

Premium Kasar bagi sebuah kenderaan dengan nilai insurans RM40, 000* dengan keupayaan enjin 1300.

Perlindungan Komprehensif:	RM1, 275.65	} Bagi jumlah sebenar , sila rujuk kepada sebut harga .
Diskaun Tanpa Tuntutan (25%)	RM 318.90	
Perlindungan Tambahan – Kerosak Cermin Kenderaan berjumlah RM600	RM 90.00	

Anggaran jumlah premium yang anda perlu bayar ialah RM 1,046.74 (tidak termasuk manfaat tambahan berdasarkan keperluan pengundereitan QBE jika ada, komisen ejen, cukai perkhidmatan dan duti setem)

- Nilai insurans ini adalah berdasarkan nilai pasaran semasa kenderaan berdasarkan kepada system maklumat penilaian kenderaan Redbook.

4. Apakah jenis yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

Jenis	Amaun
- Komisen bayar kepada insurans ejen	- 10% daripada premium
- Duti setem	- RM10
- Cukai Perkhidmatan (tidak berkenaan untuk kenderaan yang didaftar atas nama persendirian)	- 6% daripada premium kasar

5. Apakah kunci terma-terma dan syarat-syarat yang harus saya beri perhatian?

- Kepentingan Pendedahan - Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

- Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti kemalangan lepas dan pengubahsuaian pada enjin . Kegagalan untuk mendedahkan fakta material atau memberikan nasihat tentang pengubahsuaian boleh menyebabkan tuntutan tidak dibayar atau pengurangan dalam pembayaran tuntutan.
- Anda harus memastikan kenderaan anda diinsuranskan pada nilai yang berpatutan
- Lebihan, jumlah kerugian perlu anda tanggung sekiranya kenderaan anda dipandu oleh seseorang yang bukan dinamakan di dalam polisi: RM 400.00.
- Tuntutan prosedur - Notis perlu diberi dalam tempoh tiga puluh (30) hari atau secepat yang dapat dilaksanakan apa-apa kejadian yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah polisi ini dengan memberi kenyataan terperinci secara bertulis kepada kami .
- Premium hendaklah dibayar sebelum permulaan perlindungan.

6. Apakah pengecualian-pengecualian dibawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerosakan atau kerugian disebabkan oleh perkara-perkara berikut:

- Kematian atau kecederaan anggota diri sendiri akibat kemalangan motor
- Liabiliti terhadap tuntutan daripada penumpang-penumpang di dalam kenderaan anda
- Kerugian, kerosakan atau liabiliti akibat bencana alam seperti banjir, ribut atau tanah runtuh
- Jika kenderaan dipandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah
- Risiko Perang
- Keganasan
- Tindak balas nuklear , senjata nuklear , radiasi nuklear atau pencemaran radioaktif
- Kerugian turutan
- sukan bermotor atau pertandingan
- Tuntutan yang Berlaku di luar kawasan geografi Malaysia , Brunei dan Singapura

NOTA: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk contoh lontrak polisi untuk melihat keseluruhan pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi insurans saya?

Anda boleh membatalkan polisi pada bila-bila masa dengan member notis bertulis kepada Syarikat Insurans. Sewaktu pembatalan, anda layak untuk mendapat pengebalan premium berdasarkan kadar jangka pendek, dimana sebarang premium inima dibayar di bawah polisi ini tidak boleh dipulangkan

8. Apakah yang patut saya lakukan sekiranya ada perubahan maklumat?

Adalah penting untuk anda menghubungi kami bagi sebarang perubahan maklumat bagi memastikan segala surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Dimanakah boleh saya mendapatkan maklumat yang lebih lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut berkaitan insurans motor, sila rujuk kepada buku kecil *infoinsurans* untuk “Insurans Motor” yang oleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh dapatkan salinan dari ejen insurans atau layari laman web www.insuranceinfo.com.my untuk maklumat lanjut

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

QBE Insurance (Malaysia) Berhad

Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia

No. 638, Level 6, Block B1, Leisure Commerce Square, No. 9, Jalan PJS 8/9, 46150 Petaling Jaya,

Postal Address P.O. Box 10637, 50720 Kuala Lumpur

Telephone : 03-7861 8400 Facsimile : 03-7873 7430

www.qbe.com.my email: info.mal@qbe.com

10. Jenis lain Motor perlindungan :

- Perlindungan pihak ketiga
- Perlindungan pihak ketiga, kebakaran dan kecurian

NOTA PENTING:

ANDA HARUS MEMASTIKAN KENDERAAN ANDA DIINSURANSKAN PADA NILAI YANG BERSESUAIAN KERANA IA AKAN MEMBERI KESAN KEATAS JUMLAH YANG BOLEH DITUNTUT . APABILA BERLAKU KEMALANGAN , ANDA DINASIHATKAN UNTUK BERURUSAN DENGAN BENGKEL YANG DILULUSKAN . SEKIRANYA ANDA MEMPUNYAI PERLINDUNGAN KOMPREHENSIF DAN ANDA BUKANLAH PIHAK BERSALH, ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENGEMUKAKAN TUNTUTAN ANDA KEPADA SYARIKAT INSURANS ANDA . ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang terkandung dalam pendedahan ini adalah sah pada 16/12/2014.